


85 pemimpin pelajar sekolah timba pengalaman



Jengka, 3 April – Seramai 85 pemimpin pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Jaya mengikuti program Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran pihak sekolah dengan dibantu mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive baru-baru ini.

Pengurus Projek, Nurshaqirah Bajuri, 24 juga merupakan mahasiswa Tahun 3 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP, berkata bahawa fokus utama pihaknya ialah untuk membina daya kepimpinan cemerlang dan kebijaksanaan dalam kalangan peserta berasaskan keseimbangan nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang diaspirasikan Falsafah Pendidikan Negara.

Kandungan modul dan aktiviti direkabentuk berdasarkan enam aspirasi iaitu Pengetahuan, Etika dan Kerohanian, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan, Profisiensi Dwibahasa dan Identiti Nasional berteraskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mengikut peratus wajaran yang khusus.

Penolong Kanan Pentadbiran sekolah, Haji Mohd Suhaimi Mamat berpuashati dengan inisiatif yang digerakkan pihak UMP terutamanya pihak Kelab In-Smartive dalam membantu pihaknya mengembangkan potensi kepimpinan para pelajar melalui pendekatan "Pilihan dan Berdikari" sepanjang program kali ini.



Katanya, usaha ini akan membina keyakinan dalam kalangan peserta untuk berfikir dengan matang, membuat keputusan yang wajar dan bertindak dengan bijaksana dalam konteks peranan kepimpinan mereka di sekolah ini.

Dalam majlis, Haji Mohd Suhaimi turut menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar Tingkatan 4, Muhamad Faris Aiman Muhammad Saffei, 16 dan pelajar Tingkatan 5, Nur Awa Nashuwa Abd Aziz, 17 yang terpilih sebagai penerima Anugerah Peserta Terbaik.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Naib Yang Di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Desa Jaya, Dr. Neni Kartini Che Mohd Ramli dan Penolong Pendaftar, Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMP, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi yang mewakili Penasihat Kelab In-Smartive.

Berita disediakan oleh Ahmad Badruzzaman Idris, Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor dan Nur 'Aisyatul Sakinah Baharudin, Setiausaha Bahagian Penerangan Kelab In-Smartive manakala foto oleh Muhammad Baharudin dan Nur Syuhadah Shafie